

MESYUARAT MAJLIS DEKAN-DEKAN FAKULTI PENDIDIKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)

Saya mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kedatangan anda sekalian. Kedatangan anda menghadiri mesyuarat hari ini di Universiti Malaysia Sabah merupakan satu penghargaan dan kebanggaan bagi UMS. Saya yakin mesyuarat ini sangat penting khususnya untuk semua fakulti pendidikan di IPTA dan pendidikan negara amnya.

Kerjasama diantara IPTA

Saya sedar, banyak lagi masalah dan isu yang harus ditangani serta diberi perhatian dalam menentukan hala tuju fakulti pendidikan dan pendidikan guru di negara ini. Usaha-usaha penyelesaian serta kerjasama membuat perancangan yang strategik merupakan satu usaha sinergi yang bermakna khususnya kepada universiti-universiti yang masih baru seperti UMS, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) dan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

Saya yakin, kita dapat mempelajari banyak perkara dari semua fakulti pendidikan yang telah *established* seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Namun, mungkin ada juga perkara-perkara yang anda boleh pelajari daripada kami, universiti yang masih baru ini.

Keselarasan

Elok rasanya jika saya mulakan dengan beberapa perkara yang menjurus secara langsung kepada program latihan guru di negara kita. Isu seperti tempoh sebenar latihan praktikum, atau dalam kata lain tempoh minimum yang disyaratkan untuk latihan praktikum mungkin sudahpun diselaraskan. Begitu juga dengan bentuk penilaian atau penyeliaan berteraskan sekolah, sudah pun dipersetujui pada dasarnya. Tenaga guru-guru sekolah sebagai 'guru pembimbing' masih diperlukan. Cuma, aplikasi dan implementasi penyeliaannya sahaja dijalankan mengikut gaya atau cara masing-masing.

Saya kira ini suatu langkah yang berani dan positif, kerana universiti masa kini sudah menggunakan konsep kolaboratif dengan sekolah-sekolah, selaras dengan hala tuju pengurusan moden, iaitu *work smart* dan 'perkongsian bijak bestari'. Dalam hal ini, saya ingin memberi ingatan bahawa sistem kerjasama dengan guru-guru pembimbing harus disokong oleh satu sistem pemantauan yang berstruktur dan rapi, agar kualiti atau kecemerlangan bakal-bakal guru tidak terjejas.

Bagi saya sebagai seorang naib canselor, penggunaan guru pembimbing merupakan isu yang besar kerana ia membawa implikasi kewangan. Saya telah dimaklumkan bahawa Majlis Dekan-dekan sudahpun berbincang dengan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia agar peruntukan bayaran kepada guru-guru pembimbing ini dipohon terus daripada Jabatan Perbendaharaan Negara. Saya menyokong penuh langkah-langkah ini kerana peruntukan latihan mengajar memang memerlukan kos yang besar.

Menyentuh mengenai program akademik, saya hanya ingin menguji reaksi anda sekalian tentang idea pertukaran pelajar di antara universiti, iaitu *student exchange programme*. Saya berpendapat perkara ini patut difikirkan secara serius, dan pada dasarnya bolehlah menggunakan Timbalan Naib Canselor (TNC) Bahagian Akademik, IPTA. Ini sangat bermanfaat kepada semua pelajar, khususnya para pelajar daripada

UMS dan UNIMAS. Mereka akan mendapat pendedahan dan pengalaman tentang budaya belajar di kalangan rakan-rakan mereka di Semenanjung. Sementara itu, pelajar-pelajar daripada IPTA di Semenanjung yang mengikuti program pertukaran ini sama ada di UMS atau di UNIMAS akan berpeluang mengenali Sabah dan Sarawak dengan lebih dekat lagi.

Hal ini menjadi lebih penting kepada bakal guru yang menjalani latihan di Semenanjung. Saya pasti ramai di antara mereka setelah tamat pengajian kelak akan ditempatkan di sini. Sekiranya mereka sudahpun mempunyai pengalaman beberapa bulan belajar di sini, sudah tentu mereka tidak akan berasa sukar atau risau, namun sebaliknya mungkin berasa gembira dan seronok.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengambil peluang mengucapkan selamat datang dan bermesyuarat. Saya yakin bahawa segala idea, natijah, dan resolusi yang dibuat membawa manfaat kepada perkembangan pendidikan guru di negara kita. Saya dimaklumkan, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) telah mengaturkan satu lawatan ke Taman Kinabalu kepada para peserta. Ambillah peluang ini untuk menikmati keindahan alam di negeri Sabah. Mungkin ia akan mendorong anda untuk berkunjung lagi ke UMS, seterusnya berjaya menyusun dan mengatur program ini dengan begitu baik. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Mesyuarat Dekan-dekan Fakulti Pendidikan IPTA kali ini.

Ucapan di Mesyuarat Majlis Dekan-Dekan Fakulti Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 5 pada 29 April 2000.